

## **SULIT\***

PERCUBAANSTPMPAHANGPERCUBAANSTPMPAHANGPPERCUBAANSTPMPAHANG  
PERC  
PERC **900/1** NGPERCUBAANSTPMPAHANGI **STPM 2012**  
PERCUBAANSTPMPAHANGPERCUBAANSTPMPAHANGPPERCUBAANSTPMPAHANG  
PERCUBAANSTPMPAHANG **PENGAJIAN AM** PERCUBAANSTPMPAHANG  
PERCUBAANSTPMPAHANG **KERTAS 1** PERCUBAANSTPMPAHANG  
PERCUBAANSTPMPAHANGPERCUBAANSTPMPAHANGPPERCUBAANSTPMPAHANG  
PERCUBAANSTPMPAHANGPERCUBAANSTPMPAHANGPPERCUBAANSTPMPAHANG  
PERCUBAANSTPMPAHANG **(ANEKA PILIHAN** ANSTPMPAHANG  
PERCUBAANSTPMPAHANGPERCUBAANSTPMPAHANGPPERCUBAANSTPMPAHANG  
PERCUBAANSTPMPAHANGPERCUBAANSTPMPAHANGPPERCUBAANSTPMPAHANG  
PERCUBAANSTPMPAHANGPERCUBAANSTPMPAHANGPPERCUBAANSTPMPAHANG  
PERCUBAANSTPMPAHANGPERCUBAANSTPMPAHANGPPERCUBAANSTPMPAHANG  
PERCUBAANSTPMPAHANGPERCUBAANSTPMPAHANGPPERCUBAANSTPMPAHANG  
PERCUBAANSTPMPAHANGPERCUBAANSTPMPAHANGPPERCUBAANSTPMPAHANG  
PERCUBAANSTPMPAHANGPERCUBAANSTPMPAHANGPPERCUBAANSTPMPAHANG  
PERCUBAANSTPMPAHANGPERCUBAANSTPMPAHANGPPERCUBAANSTPMPAHANG

## **PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA**

Arahan kepada calon :

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN  
BERBUAT DEMIKIAN.**

Ada enam puluh soalan dalam kertas ini. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang betul dan tandakan jawapan itu pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang berasingan.

Baca arahan pada Borang Jawapan Aneka Pilihan itu dengan teliti.

Jawab semua soalan. Markah tidak akan ditolak bagi jawapan yang salah. Jumlah markah anda dalam peperiksaan kertas ini ialah bilangan soalan yang dijawab dengan betul.

---

Kertas soalan ini terdiri daripada \_\_\_\_\_ halaman bercetak .

**STPM 900/1**

\*kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat sebelah

**SULIT\***

1.

- Meningkatkan produktiviti dan prestasi pengurusan
- Kesetiaan pada organisasi melebihi kepentingan peribadi

Penyataan di atas merujuk kepada

- A Dasar Pensewastaaan
- B Dasar Pandang Ke Timur
- C Dasar Perindustrian Negara
- D Dasar Persyarikatan Malaysia

2.

Kakitangan awam diminta memberi perkhidmatan yang cekap dan cepat kepada sektor swasta bagi menyokong usaha meningkatkan daya saing negara.

Yang manakah dasar yang membantu mencapai matlamat di atas?

- A Dasar Pensewastaaan
- B Dasar Telekomunikasi Negara
- C Dasar Persyarikatan Malaysia
- D Dasar Sogoshosha Malaysia

3.

Sebuah syarikat ternama di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran makanan telah memperluas perniagaannya ke negara Vietnam, Timur Tengah dan Afrika

Pencapaian syarikat di atas selaras dengan pelaksanaan

- A Dasar Pensewastaaan
- B Dasar Pandang Ke Timur
- C Dasar Perindustrian Negara
- D Dasar Sogoshosha Malaysia

4.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Pos Malaysia Berhad</li><li>• Penerbangan Malaysia ( MAS)</li></ul> |
|---|

Kewujudan syarikat di atas dapat dikaitkan dengan pelaksanaan

- A Dasar Pensewastaaan
- B Dasar Persyarikatan Malaysia
- C Dasar Perindustrian Negara
- D Dasar Pengkorporatan Negara

5. Yang manakah pengenalan baharu dalam sistem pendidikan di Malaysia yang memberi autonomi kepada pihak sekolah?

- A Sekolah Bestari
- B Sekolah Wawasan
- C Sekolah Berasrama Penuh
- D Sekolah Kluster Kecemerlangan

6.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Mewujudkan pusat pembayaran bil setempat</li><li>• Konsep pejabat terbuka</li></ul> |
|---|

Langkah di atas boleh dikaitkan dengan pelaksanaan

- A Dasar Pensewastaaan
- B Dasar Pandang Ke Timur
- C Dasar Perindustrian Negara
- D Dasar Persyarikatan Malaysia

7.

	Pertubuhan
P	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)
Q	Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)
R	Kumpulan Lapan Negara Membangun ( D8)

	Fungsi
I	Meningkatkan kedudukan Negara-negara Islam dalam ekonomi dunia
II	Memberikan bantuan kemanusiaan kepada Negara yang memerlukan
III	Mewujudkan kerjasama dalam bidang ekonomi, politik dan sosial

Yang manakah padanan yang betul antara pertubuhan dengan fungsi dalam jadual di atas?

	P	Q	R
A	I	II	III
B	II	I	III
C	II	III	I
D	III	I	II

8.

Penyelesaian pertikaian berkaitan dengan dengan Pulau Batu Putih antara Malaysia dengan Singapura.

Agensi manakah yang bertanggungjawab membuat penyelesaian kes di atas?

- A Mahkamah Jenayah Antarabangsa
- B Mahkamah Keadilan Antarabangsa
- C Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
- D Majlis Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

9.

- Mempromosikan pelaburan dan perdagangan
- Mengeratkan hubungan antara dua benua dalam kerjasama ekonomi

Penyataan di atas merujuk kepada

- A ASEAN + 3
  - B Mesyuarat Asia-Eropah ( ASEM)
  - C Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik ( APEC)
  - D Majlis Perundingan Ekonomi Asia Timur ( EAEC)
10. Yang manakah yang memperlihatkan peranan Malaysia di peringkat antarabangsa?
- A Menyertai pasukan pengaman di Afghanistan
  - B Menjadi pengerusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
  - C Memberi bantuan ketenteraan kepada perjuangan rakyat Palestin
  - D Menduduki kerusi tetap di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
11. Yang manakah antara berikut merupakan hasil kerjasama ekonomi ASEAN?
- I Menggunakan mata wang ASEAN.
  - II Mewujudkan suatu pakatan perdagangan antara negara anggota.
  - III Mewujudkan projek perindustrian dalam kalangan negara anggota.
  - IV Pernyataan pendirian bersama tentang kebanyakan isu ekonomi antarabangsa.

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan IV
- D III dan IV

12. Yang manakah antara berikut benar tentang Konsep Segitiga Pertumbuhan ASEAN?

- I Segitiga Pertumbuhan Indonesia , Malaysia dan Singapura (IMS-GT) di selatan yang melibatkan Batam, Johor dan Singapura.
- II Segitiga Pertumbuhan Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT) di utara melibatkan Pulau Jawa, Bangkok dan Semenanjung Malaysia Utara.
- III Tumpuan kerjasama Segitiga Pertumbuhan ASEAN adalah dalam bidang perindustrian, alam sekitar dan pertanian.
- IV Tumpuan kerjasama Segitiga Pertumbuhan ASEAN adalah dalam bidang pelancongan , perdagangan dan kemudahan infrastruktur.

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan IV
- D III dan IV

13.

Kumpulan 15
Kumpulan 77
Suruhanjaya Selatan-selatan

Aspek utama yang diberi perhatian oleh pertumbuhan-pertumbuhan di atas ialah

- A memulaukan barangan import dari negara-negara Barat.
- B mendapatkan pelupusan hutang dari negara-negara maju.
- C mewujudkan kerjasama sosial dan politik sesama negara-negara anggota.
- D mewujudkan kerjasama ekonomi sesama negara-negara anggota.

14. Antara yang berikut , yang manakah matlamat Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM)?

- I Menghormati hak asasi manusia.
- II Menghormati kedaulatan , kemerdekaan dan keutuhan wilayah.
- III Mementingkan hubungan dengan negara kuasa besar dunia.
- IV Menuntut kemerdekaan untuk negara-negara anggota yang masih dijajah.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15. Antara berikut , yang manakah benar tentang Kumpulan Lapan Negara-negara Membangun D-8?

- I Persidangan pertama diadakan di Malaysia.
- II Dianggotainya negara-negara Asia Pasifik.
- III Bidang kerjasama termasuk membasmi kemiskinan dan buta huruf
- IV Suatu badan yang bertumpu pada kerjasama ekonomi dan perdagangan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

16.

- Mengadakan dialog sesama anggota tentang isu-isu semasa.
- Membentuk kerjasama ekonomi yang lebih berkesan dalam kalangan negara anggota.
- Menganjurkan sukan untuk mengeratkan hubungan negara anggota.

Yang di atas merupakan usaha yang dijalankan oleh Malaysia sebagai anggota

- A ASEAN
- B Pertubuhan Komanwel
- C Suruhanjaya Selatan-selatan
- D Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam.

17. Antara yang berikut yang manakah benar tentang matlamat Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara ( SEANWFZ)?

- I Menghadkan penggunaan tenaga nuklear
- II Menjamin keselamatan perairan di Asia Tenggara
- III Mengelakkan perlumbaan senjata nuklear di rantau ini
- IV Menggalakkan penggunaan tenaga nuklear dalam perindustrian

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

18.

- Rancangan Colombo
- Perjanjian Pertahanan Anglo-Malaya



Penyataan di atas merujuk kepada

- A. Pertubuhan Komanwel
- B. Suruhanjaya Selatan-selatan
- C. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
- D. Pergerakan Negara-negara Berkecuali ( NAM )

19. Antara berikut yang manakah benar tentang majlis Perundingan Ekonomi Asia Timur ( EAEC )?

- I. mewujudkan blok perdagangan yang baru
- II. menjadi forum perundingan tentang isu-isu ekonomi
- III. meningkatkan persaingan antara negara anggota
- IV. menggalakkan perdagangan antara negara anggota

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

20. Antara yang berikut, yang manakah strategi yang digunakan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara?

- I Memperkukuhkan daya saing negara
- II Membangunkan semula sektor pertanian
- III Memiliknegerakan syarikat-syarikat asing
- IV Mengawal kemasukan pelaburan langsung asing

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

21. Yang manakah berikut BENAR tentang hak dalam peruntukan kebebasan diri dalam Perlembagaan Persekutuan?

- I. Diberitahu secepat mungkin sebab-sebab ditahan
- II. Mendapat pembelaan dan nasihat peguam pilihan sendiri.
- III. Dihadap ke mahkamah dan dibicarakan dalam masa 24 jam.
- IV. Diikat jamin dan dibebaskan sementara menunggu perbicaraan.

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

22. Yang manakah berikut BENAR tentang Teori Pengasingan Kuasa?

- A. Pengasingan kuasa antara pihak kerajaan dengan swasta.
- B. Pengasingan kuasa antara Dewan Rakyat dan Dewan Negara
- C. Pengasingan kuasa antara badan pentadbiran, perundangan dan kehakiman.
- D. Pengasingan kuasa antara kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Tempatan

23.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Isteri warganegara</li><li>• Remaja berumur 16 tahun yang ibunya rakyat Malaysia</li></ul> |
|--|

Penyataan di atas merujuk kepada kewarganegaraan secara

- A. Masukan
- B. Pendaftaran
- C. Cantuman wilayah.
- D. Kuatkuasa undang-undang

24. Yang manakah berikut BENAR tentang badan berkanun di Malaysia ?

- I. Ditubuhkan di bawah akta Parlimen
- II. Tidak boleh menubuhkan anak syarikat
- III. Kakitangan dilantik oleh Lembaga Pengarah.
- IV. Pengambilan kakitangan tertakluk kepada kawalan kerajaan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

25. Yang manakah berikut BENAR tentang Pihak Berkuasa Tempatan?

- I. Berkuasa melantik ahli-ahli majlis
- II. Berhak mengubah sempadan kawasan.
- III. Berkuasa membuat undang-undang kecil
- IV. Berhak mengadakan kumpulan wangnya sendiri

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

26. Antara berikut yang manakah perkara-perkara yang dipertimbangkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam membuat peruntukan kewangan kepada Kerajaan Negeri?

- I. Keluasan negeri
- II. Panjang jalan raya.
- III. Bilangan Penduduk
- IV. Jumlah pendapatan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

27. Yang manakah berikut benar tentang Juru Audit Negara?

- I. Dilantik oleh Yang di- Pertuan Agong.
- II. Mengaudit akaun Kerajaan Persekutuan
- III. Boleh dipecat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- IV. Menghantar laporan kewangan kerajaan kepada Yang di- Pertuan Agong.

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

28. Yang manakah perkara berikut merupakan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan?

- I Pemberian pencen dan pampasan
- II Pembayaran gaji kakitangan awam.
- III Pemberian pinjaman kepada kerajaan negeri.
- IV Pembayaran hutang oleh kerajaan Persekutuan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

29. Yang manakah padanan berikut tepat tentang pembahagian kuasa pemerintahan di antara Kerajaan Pusat, Negeri dan Bersama?

	SENARAI PERSEKUTUAN	SENARAI NEGERI	SENARAI BERSAMA
A	Pelancongan	Kebajikan	Penyu
B	Pendidikan	Hutan	Perancangan Bandar
C	Ternakan Binatang	Taman Negara	Kebajikan
D	Perikanan	Kewangan	Bekalan air

30.

- Badan penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
- Ditubuhkan oleh Perlembagaan Persekutuan

Penyataan di atas merujuk kepada

- A. Majlis Kewangan Negara
- B. Majlis Keselamatan Negara
- C. Majlis Pembangunan Negara
- D. Majlis Tindakan Ekonomi Negara

31. Yang manakah berikut BENAR tentang hasil Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan?

	Persekutuan	Negeri	Tempatan
A	Hasil Galian	Harta Karun	Cukai Tanah
B	Duti Eksais	Cukai jalan	Lesen perlombongan
C	Cukai pendapatan	Cukai tanah	Lesen Perniagaan
D	Cukai Jualan	Hasil Hutan	Cukai Taksiran

32. Yang manakah berikut BENAR tentang Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri?

- I. Boleh menjadi ahli Kabinet Persekutuan.
- II. Dipengerusikan oleh Ketua Kerajaan Negeri
- III. Terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik dan dipilih
- IV. Menggubal undang-undang dalam Senarai Negeri

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

33.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Agensi Pelaksana</li><li>• Pentadbir Utama - Ketua Setiausaha</li></ul> |
|---|

Penyataan di atas merujuk kepada

- A. Jabatan
- B. Kementerian
- C. Badan Berkanun
- D. Badan Tidak Berkanun

34.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Lembaga Tabung Haji</li><li>• Petroleum Nasional Berhad</li><li>• Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan</li></ul> |
|--|

Agensi di atas terletak di bawah

- A. Kementerian Kewangan
- B. Jabatan Perdana Menteri
- C. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.
- D. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

35. Antara yang berikut, yang manakah yang merujuk kepada doktrin duluan?

- I Hakim mematuhi arahan Ketua Hakim Negara dalam usaha mengadili kes.
  - II Hakim yang kanan lebih berkuasa daripada Hakim mahkamah yang baru dilantik.
  - III Hakim berhak membuat prinsip kehakimannya sendiri sekiranya tidak ada peruntukan dalam undang-undang bertulis.
  - IV Hakim membuat pilihan antara prinsip-prinsip undang-undang yang terkandung dalam keputusan mahkamah sebelumnya.
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

36. Antara yang berikut yang manakah benar tentang pemakaian undang-undang Islam di Malaysia?

- I Pemakaian terhad kepada orang Islam rakyat Malaysia.
- II Undang-undang Islam ditadbir menurut Akta Parlimen
- III Badan Perundangan Negeri mempunyai kuasa untuk menggubal perkara-perkara mengenai undang-undang-undang Islam.
- IV Mempunyai bidang kuasa berhubung kesalahan yang ditetapkan oleh undang-undang Persekutuan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

37

	Rang Undang-Undang		Fungsi
I	Rang Undang-Undang Persendirian	P	Rang undang-undang yang menyentuh hak atau kepentingan seseorang secara prasangka.
II	Rang Undang-Undang Ahli Persendirian	Q	Rang undang-undang ini dibentang oleh Menteri
III	Rang Undang-Undang Campurjenis <i>Hybrid</i>	R	Rang undang-undang yang diusulkan oleh mana-mana ahli badan perundangan selain daripada Menteri atau Timbalan Menteri.
IV	Rang Undang-Undang Kerajaan	S	Rang undang-undang yang melibatkan orang-orang yang terhad bilanganya.

Berdasarkan jadual di atas, padankan Rang Undang-Undang dengan fungsinya.

	I	II	III	IV
A	S	R	P	Q
B	S	P	Q	R
C	Q	S	R	P
D	R	P	S	Q

38 Antara yang berikut, yang manakah komponen badan perundangan pada peringkat negeri?

- I Setiausaha Kerajaan Negeri
- II Raja atau Yang Dipertua Negeri
- III Dewan Undangan negeri
- IV Penasihat Undang-Undang Negeri



- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


39

	Badan Perundangan		Jenis undang-undang
I	Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri di Semenanjung Malaysia	P	Perundangan subsidiari
II	Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen	Q	Ordinan
III	Undang-undang yang digubal oleh pihak berkuasa tempatan	R	Enakmen
IV	Undang-undang yang digubal semasa darurat	S	Akta

Berdasarkan perkara di atas, padankan badan perundangan dengan jenis undang-undang

	I	II	III	IV
A	S	P	Q	R
B	P	R	S	Q
C	Q	R	P	S
D	R	S	P	Q

Soalan 40 berdasarkan rajah di bawah.



40 Rang undang-undang yang boleh digubal berdasarkan proses dan prosedur di atas ialah rang undang-undang yang berkaitan dengan

- I pertambahan peruntukan belanjawan kerajaan
- II rampasan harta yang dimiliki oleh pengedar dadah
- III penetapan denda yang lebih tinggi kepada pesalah pecah amanah
- IV penetapan kadar pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Mahkamah	- Mahkamah Tinggi Kuantan
Kes	- Pendakwaraya melawan Johan
Tuduhan	- Membunuh tanpa niat
Keputusan	- Bersalah

41 Merujuk kepada pernyataan di atas, hukuman yang boleh dikenakan oleh mahkamah ialah

- A Penjara
- B Sebat
- C Denda
- D Gantung sampai mati

42. Di antara mahkamah-mahkamah berikut yang manakah yang tidak boleh menjatuhkan hukuman bersalah dalam keputusannya?

- A Mahkamah Koroner
- B Mahkamah Perusahaan
- C Mahkamah Bumiputera
- D Mahkamah Bagi Kanak-Kanak

43. Yang berikut ialah prosedur perlantikan hakim di Malaysia. Sesuaikan hakim-hakim mahkamah I, II dan III dengan prosedur perlantikan X, Y dan Z.

Hakim	Prosedur perlantikan
I Mahkamah Persekutuan	X Dilantik oleh Majlis Raja-Raja
II Mahkamah Sesyen	Y Dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat hakim Besar
III Mahkamah Khas	Z Dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat Perdana Menteri dan rundingan Majlis Raja-Raja

	I	II	III
A	Z	Y	X
B	X	Z	Y
C	Y	X	Z
D	Z	X	Y

44 Yang manakah antara berikut yang merupakan bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah?

- I Membatalkan pernikahan
- II Membicarakan kes tidak membayar zakat
- III Membicarakan kes mencuri di masjid
- IV Menjatuhkan hukuman kepada peminum minuman keras

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

45. Antara yang berikut yang manakah bentuk pembelaan yang sesuai yang boleh dikaitkan dengan pembebasan daripada pertuduhan yang dikenakan kepada Encik Y?

- A. Afidavit
- B. Habeas corpus
- C. Alibi
- D. Prima facie

**Permulaan perniagaan**

- Keuntungan hari pertama ialah RM100
- Keuntungan meningkat secara berterusan setiap hari sebanyak RM50
- Jumlah keuntungan keseluruhan permulaan perniagaan ialah RM1350

46. Berdasarkan maklumat di atas, berapa harikah perniagaan telah dijalankan?

- A. 5 hari
- B. 6 hari
- C. 10 hari
- D. 13 hari

Soalan 47 berdasarkan jadual di bawah

**NEGARA X: DATA EKONOMI 2000-2005**

Perkara	Tahun					
	2000	2001	2002	2003	2004	2005
Bilangan Penduduk (juta)	20.7	21.2	21.7	22.2	22.7	23.3
Perumbuhan KDNK Benar (%)	9.4	8.6	7.7	-7.5	4.3	5.0
Tenaga Buruh (ribu)	8,257	8,641	9,038	8,881	9,010	9,194
Guna Tenaga (ribu)	8,024	8,417	8,805	8,563	8,741	8,920
Kadar Pengangguran (%)	2.8	2.6	2.6	3.2	3.0	3.0

47. Yang manakah benar tentang jadual di atas?

- I. Kadar pertumbuhan tenaga buruh yang dilaporkan mengalami peningkatan Sebanyak 2.0% dari tahun 2004 hingga tahun 2005.
- II. Kadar pertumbuhan guna tenaga yang dilaporkan mengalami penurunan sebanyak 3.8% dari tahun 2002 hingga tahun 2003.
- III. Bilangan penduduk telah bertambah sebanyak 11.16% dalam tempoh enam tahun
- IV. kadar pengangguran telah meningkat dari tahun 2002 hingga tahun 2003 menunjukkan ekonomi negara Y merosot.

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

48.

Harta	Rumah banglo
Harga	RM165,000.00
Tempoh pinjaman	25 tahun
Kadar faedah setahun	4.0 %
Jumlah pinjaman	100 %

Berdasarkan maklumat di atas, berapakah bayaran bulanan yang perlu dijelaskan?

- A. RM550.00
- B. RM1100.00
- C. RM1650.00
- D. RM6600.00

49. Markah Pengajian Am dalam peperiksaan percubaan Amin ialah kurang 15 daripada Aiman. Markah Azam ialah 60, iaitu lebih 12 daripada Amin.

Berapakah markah yang diperoleh Aiman?

- A. 45
- B. 48
- C. 63
- D. 75

Soalan 50 berdasarkan jadual di bawah.

PULAU PINANG: STATISTIK KEMALANGAN JALAN RAYA 2003 – 2005

Tahun	2003	2004	2005	Jumlah
Bilangan kemalangan	11,703	13,086	14,206	38,995
Bilangan Kematian	303	384	411	1,098
Bilangan Cedera Parah	771	803	1,310	2,884
Bilangan Cedera Ringan	4,180	4,706	4,611	13,497

*(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Laporan Perangkaan Jabatan Polis Pulau Pinang 2005)*

50. Yang manakah benar tentang Jadual di atas?

- I. Bilangan kemalangan yang dilaporkan telah meningkat sebanyak 8.6% dari tahun 2004 hingga tahun 2005
- II. Kadar kematian yang dilaporkan telah meningkat sebanyak 35.6% dalam tempoh tiga tahun.
- III. Jumlah pengguna jalan raya yang cedera ringan telah meningkat melebihi 15% dari tahun 2003 hingga 2004.

IV. Nisbah bilangan mangsa cedera ringan dengan bilangan mangsa cedera parah meningkat setiap tahun.

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

Soalan 51 berdasarkan jadual di bawah

MALAYSIA: EKSPORT BARANG PEMBUATAN BAGI TAHUN 2003  
DAN TAHUN 2004 ( RM JUTA )

BARANG PEMBUATAN	2003	2004
Tekstil, pakaian dan kasut	8771	10348
Keluaran kayu	10132	12215
Keluaran getah	5195	6084
Makanan, minuman dan tembakau	7813	9210
Keluaran petroleum	10914	15610
Kimia, keluaran kimia dan plastic	23490	31213
Keluaran galian bukan logam	2791	3106
Besi, keluli dan keluaran logam	11383	20092
Kelengkapan pengangkutan	3208	5424
Barangan pembuatan lain	23203	28784
<b>Jumlah</b>	<b>106900</b>	<b>142077</b>



(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Laporan  
Ekonomi 2004/2005, Kementerian Kewangan  
Malaysia)

51. Barang pembuatan yang menyumbang peratusan yang sama kepada jumlah eksport barang pembuatan negara Malaysia bagi kedua-dua tahun ialah

- A. keluaran getah
- B. keluaran petroleum
- C. kimia, keluaran kimia dan plastik
- D. kelengkapan pengangkutan

52. Bas sebuah syarikat berkhidmat tiap-tiap 20 minit dari Bandar Kuantan ke Teluk Cempedak dan perjalanan mengambil 20 minit. Setelah berehat selama 10 minit di Teluk Cempedak, bas itu akan balik semula ke Bandar Kuantan. Jika Nathan memandu salah sebuah daripada bas tersebut dan bertolak dari Bandar Kuantan pada jam 11.15 pagi, pada jam berapakah dia akan selisih dengan sebuah bas yang dipandu oleh rakannya Samad yang telah berlepas terlebih dahulu daripadanya?

- A 11.25 pagi
- B 11.30 pagi
- C 11.45 pagi
- D 11.35 pagi

53. Encik Samad dari Kuantan akan sampai ke Kuala Terengganu dalam masa tiga jam jika memandu dengan kelajuan 95 km/j. Jika dia memandu dengan kelajuan 75 km/j dan bertolak pada jam 8.25 pagi, pada jam berapakah dia akan sampai ke Kuala Terengganu?

- A. 11.25 pagi
- B. 12.13 tengah hari
- C. 1.25 petang
- D. 6.03 petang

Syarat:

- Dalam satu peraduan setiap peserta P,Q dan R akan mendapat tiga barang dengan syarikat yang berbeza .
- Dua orang peserta tidak boleh memiliki jenis barang yang sama dari syarikat yang sama

Penjelasan :

- Televisyen P dan radio R adalah dari syarikat keluaran yang sama
- Radio Q dan kipas angin P adalah dari syarikat yang sama
- Televisyen Q adalah keluaran syarikat Z
- Radio R adalah keluaran syarikat X

54. Antara yang berikut, yang manakah benar tentang padanan barang dengan keluaran syarikat barang bagi peserta P?

	Radio	Kipas Angin	Televisyen
A	X	Y	Z
B	Y	X	Z
C	X	Z	Y
D	Z	Y	X

55 .Keretapi bertolak dari Butterworth menuju Kuala Lumpur. Setiba di Taiping 20 penumpang naik ke atasnya. Apabila tiba di Ipoh separuh daripada penumpangnya turun, dan 20 penumpang baru naik ke aras. Jumlah penumpang yang tiba di Kuala Lumpur ialah sebanyak 106 orang.

Ketika kereta api bertolak dan Butterworth, berapa ramaikah penumpang yang ada di dalamnya.?

- A 76 orang
- B 106 orang
- C 152 orang
- D 176 orang

56 Encik X ialah seorang penternak ayam dan itik. Dua puluh peratus daripada ayamnya adalah jantan. Peratusan itik jantannya ialah dua kali peratusan ayam jantannya, dan jumlah itiknya ialah tiga kali jumlah ayamnya. Berapakah peratusan ayam betinanya daripada jumlah ternakannya?

- A 80 peratus
- B 20 peratus
- C 40 peratus
- D 15 peratus

57. Encik P mempunyai dua orang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Setiap anak lelaki mempunyai seorang anak lelaki dan dua orang anak perempuan lebih daripada P. Setiap orang cucu lelaki P mempunyai dua orang anak lelaki dan dua orang anak perempuan. Setiap cucu perempuan P pula mempunyai seorang anak lelaki dan tiga orang anak perempuan. Setiap anak perempuan P mempunyai seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan.

Berapa orangkah cucu perempuan Encik P kesemuanya?

- A. 8 orang
- B. 7 orang
- C 5 orang
- D 6 orang

Empat pasangan Fadzil, Ah Chong, Nathan dan Zaidi hendak mengambil tempat duduk di dalam sebuah panggung wayang. Setiap baris mempunyai 8 tempat duduk. Mereka duduk di baris yang sama, tetapi pasangan Fadzil enggan duduk bersebelahan dengan pasangan Ah Chong. Pasangan Ah Chong pula enggan duduk bersebelahan dengan pasangan Nathan, manakala pasangan Zaidi pula enggan duduk bersebelahan dengan pasangan Fadzil

58. Yang manakah di antara susunan berikut tepat bagi menyelesaikan masalah di atas?

- A. Fadzil, Ah Chong, Nathan dan Zaidi
- B. Fadzil, Nathan, Zaidi dan Ah Chong
- C. Fadzil, Zaidi, Nathan dan Ah Chong
- D. Fadzil, Zaidi, Ah Chong dan Nathan

59. Sebuah sekolah telah mengadakan satu ujian terhadap 200 orang pelajar lulusan PMR di sekolah itu dengan mengemukakan 50 soalan. Taburan pelajar yang berjaya menjawab soalan-soalan yang betul ditunjukkan seperti jadual di bawah:

Bil. Soalan	Bil calon betul	Bil soalan	Bil calon betul	Bil soalan	Bil calon betul	Bil soalan	Bil calon betul	Bil soalan	Bil calon betul
48	1	39	9	28	8	19	10	9	3
47	3	38	7	27	8	18	8	8	4
45	5	36	6	26	8	17	9	7	2
43	4	35	7	24	8	16	9	6	3
42	6	33	5	22	7	14	6	5	1
41	5	32	6	21	9	12	3	4	2
40	7	31	7	20	7	11	5	3	2

Jika pihak sekolah menetapkan yang 20% daripada jumlah pelajar tersebut akan ditempatkan di Tingkatan 4 A berdasarkan pencapaian yang terbaik dan 20% lagi di Tingkatan 4 E bagi pelajar-pelajar yang paling lemah, pasangan manakah yang benar mengenai markah yang perlu diperolehi oleh pelajar untuk menduduki kelas tersebut?

	Tingkatan 4 A	Tingkatan 4 E
A	Lebih daripada 40	Kurang daripada 9
B	Lebih daripada 38	Kurang daripada 17
C	Lebih daripada 39	Kurang daripada 16
D	Lebih daripada 39	Kurang daripada 19

60. Majlis Kewangan Negara memperuntukkan wang kepada kerajaan negeri berdasarkan formula berikut:-

Jumlah penduduk.	RM seorang
50,000 orang pertama	15
200,000 orang kedua	10
Selebihnya	4

Jika sebuah negeri mempunyai penduduk sebanyak 547 000 orang, berapakah peruntukan akan diterima dari kerajaan pusat?

- A RM750,000
- B RM3,938,000
- C RM2,750,000
- D RM3,272,000

&&&&&&soalan tamat&&&&&&

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA  
NEGERI PAHANG  
2012**

---

---

**PENGAJIAN AM**

Kertas 2

( Tiga jam )

---

---

**Arahan kepada calon :**

*Jawab **enam** soalan. Pilih **satu** soalan daripada tiap-tiap Bahagian A, B, D dan E, dan **dua** soalan dalam bahagian C.*

*Gunakan lembaran kertas yang berlainan bagi tiap-tiap bahagian.*

*Markah untuk tiap-tiap bahagian diberikan dalam tanda [ ].*

**NOTA**

*Bersama dengan kertas soalan ini anda harus menerima kertas graf. Jika tidak, sila minta daripada pengawas peperiksaan*

## **Bahagian A**

*Pilih **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan.* [25]

1 Jenayah pemerdagangan orang bukan sahaja mencemarkan imej negara di mata dunia tetapi juga membawa pelbagai implikasi kepada masyarakat dan negara. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilakukan untuk memerangnya. Jelaskan pernyataan di atas.

2 Harta intelek merupakan hasil ciptaan minda yang mesti dilindungi oleh undang-undang sesebuah negara. Oleh itu, pelbagai langkah telah dijalankan oleh kerajaan demi mengiktiraf hak intelektual seseorang. Bincangkan

## **Bahagian B**

*Pilih **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan.* [25]

3 Selain memajukan industri pelancongan, laut yang terpelihara merupakan khazanah alam yang sangat penting kepada manusia dan alam sekitar. Kemusnahan laut akan membawa kesan yang serius. Jelaskan pernyataan di atas.

4 Teknologi Hijau ialah pengaplikasian penggunaan sains alam sekitar untuk memelihara sumber dan alam sekitar semula jadi serta mengawal kesan negatif aktiviti manusia. Bincangkan kepentingan teknologi hijau kepada manusia.

### Bahagian C

Jawab **dua** soalan sahaja dalam bahagian ini. Pilih **satu** daripada soalan 5(a) **atau** 5(b) dan **satu** daripada soalan 6(a) **atau** 6(b) [20]

5 (a) “Menularnya kes rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan penipuan menunjukkan kemerosotan integriti individu, kepimpinan, dan rakyat keseluruhannya di negara ini. Pelancaran Pelan Integriti Nasional (PIN) oleh kerajaan diharapkan dapat mewujudkan masyarakat yang berintegriti tinggi. Melalui amalan integriti, nilai murni individu yang berteraskan kejujuran dan amalan moral yang tinggi dapat menjadi sebahagian daripada budaya hidup masyarakat.”

(Disesuaikan daripada *Dewan Masyarakat*, Februari 2007)

- (i) Apakah kesan sosial akibat penerapan integriti?
- (ii) Dengan menggunakan tidak lebih 50 patah perkataan, ulaskan usaha yang boleh dilaksanakan untuk mewujudkan masyarakat yang berintegriti tinggi.

### ATAU

(b) “Kecelaruan tingkah laku merupakan masalah yang kompleks. Menurut pakar psikologi, aras *serotonin* dan rangsangan aras *autonomik* yang rendah khususnya dalam kalangan pelajar lelaki menyebabkan mereka terlibat dalam aktiviti yang merangsang biologinya. Pelajar yang menunjukkan tingkah laku yang ganas berkecenderungan membuli pelajar lain yang lemah. Apabila berulang kali bertindak ganas, mereka berasa megah, kuat dan berkuasa.”

(Disesuaikan daripada *Dewan Masyarakat*, Julai 2009)

- i) Apakah ciri yang menunjukkan seseorang itu menghadapi kecelaruan tingkah laku?
- ii) Dengan menggunakan tidak lebih 50 patah perkataan, huraikan sebab berlakunya perbuatan buli dalam kalangan pelajar.



6 (a) “Fenomena ubat tiruan yang melanda di seluruh dunia bukanlah sesuatu yang mudah dikawal. Antara ubat tiruan yang popular termasuklah antibodi, ubat alahan, hormon dan steroid. Ubat tiruan mempunyai kandungan dan kuantiti yang tidak sama dengan ubat asli sama ada lebih banyak, kurang daripada sepatutnya atau tiada langsung bahan aktif. Lazimnya, produk ini ditiru dengan sengaja melalui penipuan label dan pengenalan untuk menampakkannya seperti ubat asli.”

(Disesuaikan daripada *Berita Minggu*, 8 November 2009)

- (i) Jelaskan maksud ubat tiruan.
- (ii) Dengan menggunakan tidak lebih 50 patah perkataan, huraikan sebab mengapa ubat tiruan menjadi pilihan kepada pengguna.

#### ATAU

(b) “Skizofrenia merupakan penyakit kecelaruan mental yang melibatkan gangguan perasaan, pemikiran, dan gerak geri yang luar biasa. Kecelaruan skizofrenia terdiri daripada gabungan beberapa tanda dan tingkah laku yang luar biasa, namun semua tanda ini tidak semestinya sama antara seseorang pesakit dengan pesakit yang lain. Seseorang yang menghidap skizofrenia seringkali mengalami hilang upaya untuk berfikir secara rasional.”

(Disesuaikan daripada *Dewan Masyarakat*, Oktober 2009)

- (i) Apakah ciri yang menunjukkan seseorang itu menghidap penyakit skizofrenia?
- (ii) Dengan menggunakan tidak lebih 50 patah perkataan, jelaskan punca yang boleh meningkatkan risiko seseorang menghidap penyakit ini.

## Bahagian D

*Jawab satu soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.*

[15]

7. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah, sediakan graf yang sesuai bagi menunjukkan hasil eksport industri berasaskan pertanian di Malaysia pada tahun-tahun yang dinyatakan.

Sumbangan hasil eksport sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dijangka menurun dari 7.0 peratus pada tahun 2005 kepada hanya 6.8 peratus pada tahun 2010. Namun demikian, sumbangan KDNK industri berasaskan pertanian dijangka meningkat dari 7.0 peratus kepada 7.6 peratus pada tahun 2010. Peningkatan ini adalah disokong oleh galakan yang diberikan oleh pihak kerajaan dengan mengurangkan duti eksport komoditi tersebut. Maka tidak menghairankan apabila berlakunya peningkatan nilai eksport industri makanan berasaskan pertanian daripada RM8,627 juta pada tahun 2005 kepada RM15,803 juta pada tahun 2010. Hasil eksport industri minuman dan tembakau juga telah meningkat sebanyak 39.37 peratus kepada RM2,446 juta pada tahun 2010.

Dasar kerajaan mengurangkan eksport komoditi balak dan kayu gergaji menyebabkan hasil eksportnya menurun masing-masing dari RM2465 juta kepada RM2100 juta dan RM4051 juta kepada RM2995 juta. Dalam masa yang sama kerajaan menggalakkan keluaran perabut yang berinovatif dan mempelbagaikan jenis keluaran perabut yang berkualiti tinggi. Hal ini telah menyebabkan peningkatan hasil eksport keluaran kayu dan perabut. Hasil eksport industri keluaran kayu meningkat sebanyak RM4,244 juta kepada RM13,909 juta pada tahun 2010. Sementara hasil eksport industri perabut pula menyumbang sebanyak RM8,454 juta pada tahun 2005 dan mengalami peningkatan sebanyak 69.56 peratus kepada RM14,335 juta pada tahun 2010.

Dalam tempoh masa yang sama, hasil eksport industri keluaran getah telah meningkat daripada RM6,923 juta kepada RM11,368 juta walaupun berlaku penurunan kepada hasil eksport komoditi getah dari RM5,787 juta pada tahun 2005 kepada RM5,156 juta pada tahun 2010. Hal ini berlaku lanjutan dari langkah kerajaan menggalakkan pertumbuhan industri hiliran untuk menghasilkan barangan sekunder berasaskan bahan mentah tempatan. Hasil eksport industri kertas pula mencatatkan peningkatan sebanyak RM781 juta kepada RM2,799 juta pada tahun 2010. Peningkatan hasil eksport industri berasaskan pertanian menggambarkan pertumbuhan yang baik bagi industri pertanian di negara ini.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Laporan Rancangan Malaysia ke Sembilan, 2006 – 2010)

8. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai bagi menunjukkan panjang jalan di Malaysia mengikut jenis dan bidang kuasa pada tahun 2006, 2008 dan 2010.

Jalan raya memainkan peranan yang penting di Malaysia memandangkan kebanyakan penduduk di Malaysia menggunakan jalanraya sebagai perhubungan seharian mereka. Jalan yang baik memberi keselesaan dan keselamatan kepada orang ramai. Kerosakan jalan pula akan memberikan kesan yang sebaliknya. Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri merupakan dua kategori jalan utama di negara ini.

Hampir 75 peratus daripada jalan persekutuan dan negeri adalah jalan berturap. Pada tahun 2006, 16,020 km atau 98.43 peratus jalan persekutuan adalah berturap sementara 55,272 km jalan negeri juga berturap. Panjang jalan persekutuan yang berturap terus meningkat pada tahun 2006 dan 2008 masing-masing kepada 16,602 km dan 17,254km. Bagi jalan negeri berturap pula meningkat sebanyak 26,141km pada tahun 2006 dan terus meningkat lagi pada tahun 2008 kepada 98,915km.

Jalan negeri berkelikir adalah lebih panjang berbanding jalan persekutuan berkelikir. Panjang jalan negeri berkelikir adalah 21.19 peratus daripada panjang jalan negeri pada tahun 2006 iaitu 73,852km. Jumlah panjang jalan negeri berkelikir terus meningkat sebanyak 662km pada tahun 2008 dan terus menokok kepada 18,480km pada tahun 2010. Namun demikian, kepanjangan jalan persekutuan berkelikir semakin merosot iaitu dari 56km pada tahun 2006 kepada hanya 10km pada tahun 2008 dan akhirnya terhapus pada tahun 2010.

Jenis jalan tanah pula merupakan jalan yang paling pendek sama ada di peringkat jalan persekutuan mahupun jalan negeri. Pada tahun 2008 dan 2010, jabatan kerja raya tidak lagi membina jalan persekutuan jenis tanah. Jalan persekutuan jenis tanah pada tahun 2006 adalah sepanjang 199km. Namun demikian, jalan negeri jenis ini terus meningkat dari tahun 2006 hingga tahun 2010. Pada tahun 2008, panjang jalan negeri jenis tanah menunjukkan peningkatan sebanyak 5,351km kepada 8,280km berbanding tahun 2006. Kepanjangannya terus meningkat kepada 9,754km pada tahun 2010.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada  
Buletin Perangkaan Sosial, 2010)

## Bahagian E

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini.

[15]

9. Berdasarkan jadual di bawah, buat ulasan tentang penggunaan tanah pertanian pada tahun 2004, 2006, dan 2008 mengikut negeri terpilih dan jenis penggunaan tanah


### **MALAYSIA: GUNA TANAH UNTUK PERTANIAN MENGIKUT NEGERI TERPILIH DAN KATEGORI JENIS KEGUNAAN PADA TAHUN 2004, 2006 DAN 2008**

Negeri	Keluasan Kawasan Perkebunan (Hektar)			Keluasan Kawasan Ternakan (Hektar)		
	2004	2006	2008	2004	2006	2008
Perlis	8549	8076	7719	931	166	731
Pahang	49654	51135	55000	33402	27092	5271
Kelantan	46614	48894	49558	1902	1917	2085
Melaka	13228	13923	14028	649	745	865
Negeri Sembilan	22447	22556	21410	2939	3175	3808

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada  
Laporan Pertanian, 2010 )

10. Berdasarkan Rajah 1 di bawah, huraikan faktor dan kesan stress kepada seseorang individu.

**Rajah 1: Model Stress**



Dipetik dan diubahsuaikan daripada  
Robbins, S.P. (1993). *Organizational Behavior : Concepts, Controversies,  
and Applications*. Sixth Edition. New Jersey : Prentice - Hall, Inc.